

Kabinet tegur Tee Keat

Menteri, timbalan tidak boleh sentuh kementerian lain: Najib

Oleh Ahmad Naim Tahir

SEREMBAN: Kabinet semalam menegur Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat kerana melanggar peraturan apabila memberi komen dan ulasan terhadap Kementerian Pelajaran.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata teguran itu selaras ketetapan Kabinet bahawa seorang menteri atau timbalan menteri tidak boleh membuat apa-apa komen atau ulasan terhadap kementerian lain.

"Ada arahan Kabinet bahawa menteri atau timbalan menteri tak boleh buat apa-apa komen atau menyentuh bidang kuasa kementerian lain ke-

“*Dalam kes Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, dia melanggar prinsip dan sudah ditegur Kabinet yang disampaikan melalui Datuk Mustapa Mohamed”*

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

uali Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

"Dalam kes Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, dia melanggar prinsip itu dan sudah ditegur oleh Kabinet yang disampaikan melalui Menteri berkenaan, Datuk Mustapa Mohamed, semalam (kelmarin).

"Saya tidak mahu membicarakan soal fakta, itu soal satu lagi tapi prinsipnya timbalan menteri dan menteri mesti melihat kepada bidang kuasa masing-masing saja dan tidak menyentuh kementerian lain," katanya.

Beliau berkata demikian selepas perbarisan tamat latihan 431 pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dari Kem Seri Perkasa (KSP) dan Kem Millenium, Beranang, dekat

sini, semalam.

Tahun lalu, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk S Sothinathan digantung daripada jawatannya dalam kerajaan selama tiga bulan kerana mengkritik kerajaan di Dewan Rakyat.

Penggantungan itu diumumkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas Sothinathan mengkritik kerajaan berhubung penarikan balik pengiktirafan ijazah perubatan daripada Crimea State Medical University (CSMU) di Ukraine.

Peraturan dan Kod Etika Bagi Anggota Pentadbiran 2004 menyebut, seseorang anggota pentadbiran termasuk timbalan menteri, terikat dengan

LIHAT MUKA 2

Najib beri peringatan

DARI MUKA 1

prinsip tanggungjawab bersama iaitu tidak boleh membuat kenyataan bercanggah dengan dasar kerajaan.

Najib mengingatkan semua menteri dan timbalan menteri agar menumpukan perhatian kepada tugas masing-masing dan tidak mengeluarkan sebarang kenyataan menyentuh bidang kuasa kementerian lain.

Kelmarin, Ong dilaporkan meminta Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein tidak membuat serangan peribadi terhadapnya ekoran kenyataannya mengenai penyelewengan peruntukan kepada beberapa Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) di Johor.

Sebelum itu, Hishammuddin menyelar Ong kerana membuat tuduhan terbabit dan menyifatkan Naib Presiden MCA itu mempunyai agenda politik sendiri semata-mata dan berlagak sebagai jaguh memperjuangkan nasib kaum Cina.

Kelmarin, Mustapa bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi memohon maaf atas keterlanjuran timbalannya mengeluarkan kenyataan berhubung dakwaan penyelewengan itu yang turut menyinggung perasaan pegawai Kementerian Pelajaran.

Sementara itu, Hishammuddin semalam mempertahankan kenyataannya bukan serangan peribadi sebaliknya mempertikaikan tindakan Ong cuba mengelirukan pemikiran orang ramai dengan pelbagai alasan.

"Memang saya dah agak pun, dia akan menggunakan istilah tertentu untuk cuba mengaburi pemikiran orang dan kata saya buat serangan peribadi... lepas itu kata salah tafsir pula," katanya.

Bagaimanapun, Ong menegaskan beliau tidak bercadang bertemu Hishammuddin berhubung isu berkenaan dan mendakwa kenyataannya tidak pernah menyentuh kementerian itu atau Menteri Pelajaran.

"Saya tak pernah buat sebarang serangan atau pun selar sesiapa secara peribadi... lain yang cakap lain pula yang dipertikaikan, lain pula yang tuduh. Saya bingung siapa yang buat terjemahan seperti ini.

"Takkanlah saya sebodoh itu nak cakap macam itu. Saya rasa kesal atas adanya benda bukan-bukan yang tak pernah saya cakap, dijadikan sebagai satu pertikaian pula," katanya.

Beliau sekali lagi mengulang penafiannya dengan menegaskan tidak pernah menyentuh atau mengguna istilah pegawai kerajaan melesapkan duit peruntukan khas SJKC di Johor.